

28 JAN 2004

KONSORTIUM-LOGISTIK/I

KONSORTIUM LOGISTIK JANGKA JADI PENYEDIA PERKHIDMATAN LOGISTIK TERBESAR

Oleh: Tengku Noor Shamsiah

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Penggabungan Konsortium Logistik Bhd dengan DiPerdana Holdings Bhd akan membuka laluan bagi Konsortium menjadi penyedia perkhidmatan logistik terbesar di negara ini.

Pengerusi dan presiden eksekutifnya, Mirzan Mahathir berkata: "Kami sedang dalam proses bergabung dengan DiPerdana Holdings Bhd.

"Dan sekiranya kami berjaya melaksanakannya, kami mungkin akan menjadi peserta terbesar di negara ini," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Beliau berkata Konsortium mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan untuk melaksanakan program penggabungan itu.

"Kami berharap dapat menyiapkan keseluruhan proses pada suku pertama ini," katanya.

Mirzan berkata dengan selesainya program penggabungan itu, Konsortium dijangka meningkatkan bahagian pasarannya kepada hampir 20 peratus.

Ketika ini, bahagian pasarannya hanya 10 peratus.

Mirzan berkata penggabungan dengan DiPerdana akan membawa masuk senarai pelanggan baru kepada kumpulan yang akan membolehkannya menyediakan rangkaian perkhidmatan logistik lebih bersepadu kepada industri.

Beliau berkata kumpulan itu akan mengekalkan DiPerdana (seperti yang sedia ada) buat masa sekarang.

"Kami tidak mahu membuat sebarang perubahan drastik berkaitan perkhidmatannya. Apa yang kami mahu lakukan adalah menyokong langkah itu," katanya.

Selain itu, Mirzan berkata kumpulan itu akan terus melabur dalam guna tenaga dan sistemnya.

"Saya rasa terdapat keperluan untuk meningkatkan pengetahuan dan keupayaan. Konsortium adalah sebuah syarikat perkhidmatan dan logistik bukanlah sesuatu yang memerlukan pengetahuan mendalam."

Mirzan berkata pekerja yang ada sekarang perlu meningkatkan kecekapan mereka untuk menangani perniagaan yang sedang diusahakan.

Beliau berkata syarikat itu sedang melaksanakan beberapa projek tetapi tidak menjelaskan dengan lebih lanjut berhubung perkara itu.

Beliau berharap projek baru ini akan menjana pendapatan yang diunjurkan kumpulan.

Mengenai bahagian pengangkutan, Mirzan berkata kumpulan itu berharap dapat meningkatkan pengendalian pengangkutannya sebanyak 45 peratus.

Menyentuh mengenai prestasi kumpulan, Mirzan berkata tahun lalu prestasinya kurang memberangsangkan kerana sehingga suku ketiga keputusan masih lain negatif dan berharap ianya dapat dipulihkan semula.

Konsortium telah membeli aset dan perniagaan DiPerdana dengan harga RM80 juta menerusi terbitan 50 juta saham biasa baru Konsortium pada harga terbitan RM1.60 bagi satu saham Konsortium.

DiPerdana terlibat dalam kegiatan pengangkutan kontena, penghantaran, pengurusan depot kontena dan perkhidmatan rumah gudang.

Mengenai perkembangan lain, Mirzan berkata Konsortium juga dijangka lebih menumpukan dalam mengembangkan perkhidmatannya ke pasaran serantau.

Beliau berkata sejak tiga tahun lalu kumpulan itu telah berusaha mengembangkan operasinya menerusi pejabatnya di Bangkok, Jakarta dan India.

Kumpulan itu dijangka memasarkan perkhidmatannya dengan lebih giat lagi.

Apabila ditanya sama ada kumpulan itu akan mengembangkan operasinya ke pasaran China Mirzan berkata, "Anda tidak boleh mengeneipkan pasaran China

dan kami perlu melihat kepada semua kemungkinan untuk bertapak di sana." --
BERNAMA
TNS KTC ZK